

# Gegaran di Malaysia skala 6

## Bacaan kecil, sederhana tidak rosakkan struktur bangunan

B/A 13/4/12 MS 8.

● ZUHAINY ZULKIFFLI | BERITA HARIAN



**ORANG** ramai masih bersiar-siar sekitar Padang Kota Lama walaupun lokasi itu ditutup susulan amaran tsunami yang dikeluarkan ekoran gempa bumi di Aceh, kelmarin.

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Gegaran yang dirasai di kebanyakan tempat di Malaysia, kelmarin adalah pada skala lima hingga enam (V hingga VI) MMI (Modified Mercalli Intensity) yang tidak membawa kerosakan besar kepada struktur bangunan.

Bacaan skala diklasifikasikan antara kecil dan sederhana itu adalah berdasarkan kesan gegaran dialami saksi serta keadaan struktur bangunan berikutan gempa bumi berukuran 8.7 pada skala Richter yang melanda Aceh, Sumatera Utara pada jam 4.38 petang, kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Che Gayah Is-

mail, berkata pihaknya terus memantau perkembangan di Sumatera dan memaklumkan kepada umum.

Beliau berkata, berdasarkan modelan tsunami akibat gempa bumi kelmarin, jika pun tsunami melanda perairan Malaysia, ketinggiannya hanya 0.74 meter saja.

“Jabatan Meteorologi sudah mengeluarkan nasihat tsunami (kel-

marin) meminta orang ramai menjauhi kawasan pantai bagi negeri Perlis, Kedah (termasuk Langkawi), Pulau Pinang dan Perak,” katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Beliau berkata, sehingga jam 6 petang semalam, sebanyak 39 gempa susulan bermagnitud 4.5 sehingga 6.0 pada skala Richter dilaporkan di pusat gempa.

Kelmarin, ribuan rakyat Malaysia terutama yang tinggal di bangunan tinggi dan kawasan Pantai Barat Semenanjung merasai gegaran kuat berikutan gempa bumi berukuran 8.7 pada skala Richter di perairan Aceh pada jam 4.38 petang, diikuti gempa susulan pertama pada jam 6.43 petang yang berukuran 8.5 pada skala Richter.

# Bomba jamin bangunan tinggi selamat diduduki

**KUALA LUMPUR:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) memberi jaminan semua bangunan tinggi di negara ini selamat diduduki walaupun ada antaranya mengalami keretakan akibat dua gegaran susulan gempa bumi yang berlaku dalam tempoh dua jam di Aceh, Sumatera Utara, petang kelmarin.

Kebanyakan premis kediaman dan bangunan tinggi yang sebahagian besarnya terletak berhampiran pantai sekitar negeri Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan Pahang termasuk di Putrajaya dan ibu negara sudah diperiksa selepas dikhuatiri mengalami kerosakan akibat gegaran itu.

Difahamkan, lebih 80 bangunan

di 84 lokasi membabitkan semua negeri terbabit sudah diperiksa sejurus selepas bomba menerima panggilan orang ramai yang melaporkan bangunan diduduki mereka mengalami gegaran antara satu hingga lima minit.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata siasatan pihaknya mendapati tiada bangunan mengalami kesan kerosakan serius sebaliknya hanya mengalami keretakan kecil yang tidak mengganggu kestabilan dan keselamatan bangunan terbabit.

“Sejurus menerima laporan, semua anggota kita dikerah ke semua lokasi terbabit dan pemeriksaan terus dilakukan semalam (kelmarin). Hasilnya, memang ada antara ba-

## INFO

### Keterangan Skala MMI

- I - Hanya dirasakan oleh segelintir orang atau hampir tidak dirasakan.
- II - Dirasai oleh orang yang berada di kawasan tertentu dan di tingkat tinggi bangunan.
- III - Dirasai di dalam bangunan, terutama di tingkat tinggi. Objek tergantung akan berhayun, namun kemungkinan tidak diklasifikasikan sebagai gempa bumi.
- IV - Dirasai oleh sebilangan besar di dalam bangunan, sebilangan kecil di luar. Kesan sama seperti sebuah trak melintas.
- V - Dirasai oleh sebahagian besar yang berada di dalam bangunan, mengejutkan sebilangan orang. Objek kecil bergerak, pokok dan tiang kemungkinan bergoyang.
- VI - Dirasai oleh semua orang, sukar untuk bergerak. Objek besar seperti perabot akan bergerak, perekat siling jatuh dan serombong kemungkinan musnah.
- VII - Kemusnahan kecil dan sederhana pada struktur binaan biasa yang baik. Kemusnahan teruk pada struktur tidak kukuh dan dinding jatuh.
- VIII - Kemusnahan kecil pada struktur binaan khas. Kemusnahan pada struktur binaan biasa, kemusnahan teruk pada struktur tidak kukuh dan dinding runtuh.
- IX - Kemusnahan pada struktur binaan khas, bangunan beralih daripada asasnya. Tanah merekah, kemusnahan tempat tinggal dan tanah runtuh.
- X - Struktur batu bata, kerangka dan asas bangunan musnah. Tanah merekah teruk, tanah runtuh dan kemusnahan tempat tinggal.
- XI - Kemusnahan keseluruhan, kemungkinan ada sisa struktur yang masih tegak. Jambatan musnah, rekahan tanah yang besar dan gelombang di atas tanah.
- XII - Kemusnahan keseluruhan, gelombang di atas tanah dan objek melayang.

ngunan itu mengalami keretakan namun tidak serius.

“Antara bangunan diperiksa membabitkan hotel, pusat beli belah, hospital, apartmen serta kondominium,” katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Wan Mohd Nor berkata, Pusat Gerakan Operasi JBPM di seluruh negara masih diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk tsunami sekiranya berlaku gegaran susulan di Aceh.

Di **GEORGETOWN**, struktur Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 24 kilometer tidak menghadapi sebarang masalah susulan gempa bumi itu berikutan penggunaan teknologi dikenali sebagai

galas getah redaman tinggi (HDRB).

Jurucakap Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) berkata, HDRB dapat melindungi jambatan daripada kerosakan struktur walaupun menghadapi gempa bumi berukuran 7.5 skala Richter di kawasan itu.

“Gempa bumi petang semalam (kelmarin), jauh dari jambatan dan ia sudah pasti tidak memberi kesan langsung, malah jika berlaku di kawasan jambatan sekalipun, HDRB mampu melindungi strukturnya.

“Kebarangkalian berlaku gempa bumi di kawasan jambatan adalah 1:475 tahun, jadi tidak perlu risau kerana teknologi HDRB mampu mengelak sebarang kejadian tidak diingini ke atas jambatan,” katanya.

● LIM POH CHIN | BERITA HARIAN



**ANGGOTA** Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia menghantar pulang seorang penduduk ke rumahnya selepas amaran tsunami ditarik balik kelmarin.